



UCAPAN

OLEH

PN. NORLIN BINTI JA'AFAR

**TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)
JABATAN ALAM SEKITAR**

**ENVIRONMENTAL MANAGEMENT CONFERENCE
2018**

**KVMRT Training Centre
Sungai Buloh**

22 November 2018

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmaanirrahiim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh

Salam Sejahtera Dan Salam Negaraku Malaysia

Pn. Norazma binti Zainuddin, Ketua Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Alam Sekitar, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Tuan Ir. Hj. Nishad Mohamed bin Hj. C.J. Mohd. Shaffy, Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran , Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Siti Zaleha binti Ibrahim, Pengarah, Jabatan Alam Sekitar, Selangor

Tuan Ir. Hj, Azmi bin Ibrahim, Pengarah, Jabatan Pengairan dan
Saliran , Selangor

Yang Berbahagia Dato' Sri Shahril Mokhtar, Ketua Pegawai
Eksekutif, MRT Corporation Sdn. Bhd.

Barisan Kepimpinan MRT Corporation Sdn. Bhd.

Barisan media

dan seterusnya saudara, saudari, hadirin, hadirat sekalian

1. Melahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berhimpun di Persidangan Pengurusan Alam Sekitar, 2018.
2. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dato 'Sri Shahril kerana mengundang saya untuk melancarkan program ini. Saya harus menyatakan bahawa saya amat berbesar hati untuk berada di sini dalam Persidangan Pengurusan Alam Sekitar 2018, inisiatif terpuji oleh MRT Corp yang menyokong Hari Alam Sekitar Negara 2018.
3. Pendekatan ini dalam mewujudkan kesedaran mengenai pengurusan kualiti udara dan amalan mesra alam adalah penting dalam memindahkan negara kita ke arah pembangunan mampan.
4. Pencemaran udara merupakan isu yang melanda dunia secara global. Kemerosotan kualiti udara adalah begitu ketara di kawasan-kawasan bandar besar seperti Kuala Lumpur yang mengalami proses perbandaran dan perindustrian

Hadirin hadirat sekalian,

5. Pencemaran udara akibat daripada pembakaran bahan fosil bagi keperluan industri, pembangunan serta kenderaan bermotor merupakan ciri masalah perbandaran. Masalah ini telah lama wujud sejak pertengahan abad yang lalu, khususnya di negara-negara maju dan Malaysia juga tidak terkecuali terutamanya di kawasan bandar seperti Kuala Lumpur.
6. Sebelum tahun 1970an, beberapa pemerhati berpendapat bahawa masalah pencemaran udara di negara Malaysia adalah tidak penting kerana ianya menerima jumlah hujan yang rata-rata melebihi 2200 mm setahun, dan ini dikatakan cukup untuk membersihkan udara yang tercemar.
7. Laporan terkini mengenai pencemaran udara di Malaysia dan negara-negara tropika rendah yang lain, walau bagaimanapun tidak menyokong pendapat ini. Paras pencemaran udara dikatakan semakin meningkat, dan sesetengah jenis pencemaran telah pun melebihi paras selamat yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Daripada pencerapan yang dilakukan didapati sesetengah Bandar besar di Malaysia memperlihatkan kemerosotan kualiti udara.
8. Kemerosotan kualiti udara ini adalah berpunca daripada pertambahan bilangan sumber pencemaran udara yang tidak terkawal seperti pembakaran terbuka, pelepasan asap kenderaan, aktiviti pembinaan dan punca-punca industri. Kemungkinan hal ini berlaku kerana kegagalan sistem pengurusan kualiti udara yang dilaksanakan dalam agensi-agensi yang terbabit.

9. Menurut laporan Jabatan Alam Sekitar (JAS 1996), menyatakan bahawa daripada 3177 aduan yang diterima mengenai pencemaran pada tahun 1996, sebanyak 2383 (75%) aduan tersebut adalah berkaitan dengan pencemaran udara. Ini menunjukkan bahawa masalah pencemaran udara adalah ketara berbanding dengan lain-lain pencemaran.

Hadirin hadirat sekalian,

10. Pengurusan alam sekitar amnya atau pengurusan kualiti udara khususnya adalah satu bidang multi-displin yang luas yang memerlukan pelbagai usaha dan tidakan bersepadu dan diarahkan kepada mencari penyelesaian bagi mengatasi masalahmasalah persekitaran yang wujud.
11. Hari ini, hasrat untuk mencari jalan penyelesaian bagi menyelesaikan masalah penting ini telah membawa kita semua untuk berkumpul di sini. Keperluan yang besar untuk mengarusutamakan agenda alam sekitar perlu disokong oleh pihak-pihak industri melalui kerjasama seperti program hari ini.
12. Saya gembira apabila mendengar bahawa MRT Corp, sebagai pemilik Projek Mass Rapid Transit Klang Valley, telah berjanji untuk memastikan semua kontraktor dan subkontraktor yang bersama-sama membanting bahu dalam Projek KVMRT akan melaksanakan amalan terbaik dalam menguruskan kualiti udara semasa fasa pembinaan.
13. Peraturan yang ketat harus dilaksanakan untuk memastikan pengurusan kualiti udara diuruskan secara menyeluruh.

14. Saya mengalu-alukan inisiatif oleh MRT Corp dalam menjayakan Kempen Alam Sekitar ini, di mana melalui platform ini, matlamat kita bersama dalam mewujudkan kesedaran dan pemahaman mengenai pengurusan kualiti udara dapat dicapai.

Hadirin hadirat sekalian,

15. Di pihak kami, Jabatan Alam Sekitar sebagai pihak berkuasa penguatkuasa, akan sentiasa mengawasi dan menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, dan selaras dengan konteks hari ini, terutamanya dalam pengurusan kualiti udara.
16. Walau bagaimanapun, dalam menangani masalah ini, ia harus bermula dari peringkat akar umbi. Orang awam juga memainkan peranan dalam pengurusan kualiti udara.
17. Untuk itu, saya amat berbangga melihat MRT Corp mengambil langkah inisiatif untuk mewujudkan kesedaran dan menyemai amalan serta memberi maklumat kepada pihak-pihak kotraktor akan tanggungjawab dan peranan mereka dalam menangani isu pencemaran alam sekitar.
18. Pengurusan kualiti udara adalah satu isu yang perlu ditangani di semua peringkat. Bersama-sama, kita dapat mengurangkan, dan seterusnya menghapuskan isu ini sama sekali. Kempen Pengurusan Alam Sekitar MRT Corp, "Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama" adalah cara terbaik untuk mencapai matlamat ini

Hadirin hadirat sekalian,

19. Saya memuji MRT Corp untuk mengambil langkah ini ke arah menjadikan perlindungan alam sekitar sebagai tanggungjawab bersama, dan saya berharap agar sistem ini akan digunakan secara meluas untuk semua projek di negara ini.

20. Terima kasih sekali lagi saya ucapkan kerana menjemput saya pada hari ini, dan saya mendoakan agar program dijayakan dengan sempurna dalam. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Pengurusan Alam Sekitar MRT Corp 2018 dan Kempen Pengurusan Alam Sekitar MRT Corp 2018.

Terima Kasih